

18/10/2003

Tak perlu minta maaf (HL)

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak perlu meminta maaf terhadap apa yang dinyatakan mengenai bangsa Yahudi dalam ucapannya pada perasmian Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) kelmarin, kerana ia berdasarkan fakta sejarah.

Perdana Menteri sebaliknya membidas sikap pemimpin dan media Barat yang bersifat `talam dua muka' kerana begitu sensitif apabila mereka, termasuk bangsa Yahudi dikritik tetapi, dengan mudah menggelarkan orang Islam sebagai pengganas.

Sambil menegaskan beliau bukannya anti-Barat, Dr Mahathir berkata, ada usaha memutarbelitkan perkataan sebenar yang dimaksudkannya dalam ucapan itu.

"Ia adalah fakta sejarah dan untuk memberitahu saya bahawa saya tidak boleh menyebut fakta sejarah adalah menafikan hak saya terhadap kebebasan bersuara. Saya harap (kali ini), tolong jangan memutarbelit jawapan ini.

"Dalam perkataan lain, saya menentang kekejaman, menentang keganasan, tetapi ucapan saya berkaitan perkara ini tidak diberi perhatian, sebaliknya saya dituduh bersifat anti-Yahudi.

"Tentunya anda menyedari bahawa masyarakat Arab juga orang Yahudi, jadi bersikap anti-Yahudi bermakna saya menentang Arab dan juga Yahudi. Ini adalah adil kerana saya menentang kedua-duanya, bukan hanya satu," katanya pada sidang akhbar selepas sidang kemuncak itu berakhir, malam tadi.

Dalam ucapannya kelmarin, Dr Mahathir antara lain berkata: "Yahudi memerintah dunia dengan menggunakan proksi. Mereka menggunakan orang lain untuk berperang dan mengorbankan nyawa bagi pihak mereka."

Katanya, umat Islam tidak ada pencapaian dalam perjuangan 50 tahun menentang Israel dan kerana itu, taktik politik dan ekonomi perlu digunakan bagi menggantikan peperangan.

Kenyataannya itu, yang diberikan tumpuan oleh media Barat, menerima kritikan dari Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat dan Australia, manakala Jerman memanggil diplomat Malaysia di Berlin untuk mendapatkan penjelasan.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak faham mengapa pemimpin Barat memberi reaksi seperti itu terhadap ucapannya seolah-olah mereka saja boleh mengkritik orang lain serta mempunyai keistimewaan untuk berbuat demikian.

"Hakikatnya apa yang saya nyatakan mengenai Yahudi atau Arab atau Eropah, semuanya berdasarkan fakta. Inilah yang sebenarnya berlaku dan inilah tanggapan saya mengenai perkara itu," katanya.

Mengenai desakan beberapa pemimpin Barat supaya berhenti daripada mengeluarkan kenyataan, Perdana Menteri berkata, cadangan itu bertentangan dengan penganjuran kebebasan bersuara, yang diperjuangkan oleh Barat.

"Saya agak terperanjat apabila ada pihak yang mencadangkan bahawa saya sepatutnya berhenti dari membuat apa juga kenyataan. Banyak orang membuat kenyataan yang menyakitkan hati mengenai kita, umat Islam. Mereka menggelarkan orang Islam sebagai pengganas, malah mereka juga mengatakan bahawa Nabi Muhammad adalah seorang pengganas.

"Mereka yang membuat kenyataan seumpama itu tidak dipersalahkan, tetapi jika orang Islam mengeluarkan kenyataan yang tidak memihak kepada Yahudi, mereka dituduh sebagai anti-Semitik. Jika umat Islam boleh dituduh sebagai pengganas, maka pihak lain juga boleh menuduh Yahudi sebagai pengganas," katanya.

Mengenai laporan sebuah akhbar Australia yang menyamakan beliau dengan Osama bin Laden, Dr Mahathir secara berjenaka berkata, Australia kini

dilantik sebagai penghulu, bukan lagi naib penghulu.

Dia (Perdana Menteri, John Howard) kini seorang sherif (penghulu). Saya beri jaminan kepada Australia jika ia bertindak sebagai sherif di negara ini, dia akan dianggap sebagai penganas dan dilayan sebagai mana seorang penganas. Saya percaya menteri luar saya menyokong saya dalam perkara ini," katanya.

Kepada satu soalan lain, Perdana Menteri juga berkata, negara Islam bertanggungjawab membantu Syria sekiranya Amerika Syarikat (AS) mengenakan sekatan ke atas negara itu.

"Kita berpendapat sekiranya sekatan dikenakan terhadap Syria, kita berkewajipan untuk membantu Syria dan saya fikir adalah amat baik jika semua negara Islam dapat membantu Syria dalam perdagangan dan bidang lain," katanya mengulas Dewan Perwakilan Amerika Syarikat yang meluluskan sekatan ke atas Syria.

Beliau berkata, serangan Israel ke atas Syria kini disahkan sebagai tindakan yang mendapat sokongan seluruh Kongres AS.

"Kongres menyokong serangan lebih awal Yahudi ke atas Syria atas alasan